

Newspaper	Berita Harian
Date	16/8/2014

Ekonomi Malaysia semakin kukuh

» Suku kedua catat pertumbuhan 6.4 peratus (BH - 16/8/2014)

Oleh Shahrizan Salian dan Mohd Zaky Zainuddin
bhbiz@bh.com.my

Kuala Lumpur

Ekonomi Malaysia terus berkembang kukuh apabila mencatatkan pertumbuhan 6.4 peratus pada suku kedua tahun ini, selepas merekodkan 6.2 peratus pada suku sebelumnya.

Kadar pertumbuhan suku kedua tahun 2014 itu menunjukkan peningkatan ketara, berbanding dengan prestasi suku kedua tahun lalu, iaitu pada kadar 4.5 peratus.

Prestasi kukuh suku kedua tahun ini juga menjadikan kadar pertumbuhan ekonomi negara bagi tempoh setengah tahun pertama tahun 2014 sebanyak 6.3 peratus, berbanding 4.4 peratus bagi tempoh yang sama tahun lalu.

Gabenor Bank Negara, Tan Sri Dr Zeti Akhtar Aziz, berkata pertumbuhan positif pada suku kedua tahun ini disokong oleh eksport lebih tinggi dan permintaan dalam negara, terutama dalam sektor swasta yang terus meningkat.

Katanya, pelaburan swasta terus mencatat pertumbuhan dua angka sebanyak 12.1 peratus, terutama dalam sektor perkhidmatan dan perkilangan.

Beliau berkata, penggunaan swasta meningkat 6.5 peratus, disokong keadaan guna tenaga yang stabil dan kenaikan kadar upah berterusan.



“Ekonomi Malaysia pada suku kedua tahun 2014 terus berkembang kukuh walaupun ekonomi global, termasuk Asia mencatat pertumbuhan lebih sederhana”

Zeti Akhtar Aziz,
Gabenor Bank Negara

Penggunaan awam bagaimanapun merosot 1.3 peratus berikutan perbelanjaan kerajaan lebih rendah bagi emolumen, bekalan dan perkhidmatan, manakala pelaburan awal pula merosot 3.3 peratus disebabkan perbelanjaan lebih rendah untuk aset tetap oleh kerajaan dan perusahaan awam.

“Ekonomi Malaysia pada suku kedua tahun 2014 terus berkembang kukuh walaupun ekonomi global, termasuk Asia mencatat pertumbuhan lebih sederhana.

Pertumbuhan paling pantas

“Bersandarkan pertumbuhan paling pantas dalam tempoh enam suku yang dicatatkan pada suku kedua tahun 2014, Bank Negara menjangka pertumbuhan ekonomi negara bagi keseluruhan tahun ini akan lebih tinggi,

INFO

Pertumbuhan ekonomi Malaysia mengikut sektor

KDNK (perubahan tahunan %)	%	2013		2014		
		Suku kedua	Separuh pertama	Suku pertama	Suku kedua	Separuh pertama
Perkhidmatan	55.2	5.0	5.5	6.6	6.0	6.3
Pembuatan	24.5	3.8	2.1	6.8	7.3	7.1
Perlombongan	8.1	4.4	1.3	-0.8	2.1	0.6
Pertanian	7.1	0.3	3.2	2.3	7.1	4.6
Pembinaan	3.7	10.0	12.0	18.9	9.9	14.3
KDNK	100.0	4.5	4.4	6.2	6.4	6.3

Sumber: Jabatan Perangkaan

berbanding unjuran awal 4.5 hingga 5.5 peratus.

“Angka unjuran rasmi bagi Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) tahun ini akan diumumkan dalam Bajet 2015 yang akan datang,” katanya pada sidang media selepas pengumuman prestasi KDNK suku kedua tahun 2014, di Kuala Lumpur, semalam.

Pada suku kedua tahun 2014, jumlah eksport kasar meningkat kukuh pada kadar 14.2 peratus berbanding 10.8 peratus pada suku terdahulu, mencerminkan aktiviti ekonomi global yang terus berkembang, manakala import kasar meningkat pada kadar 8.6 peratus daripada 5.5 peratus pada suku sebelumnya.

Jumlah pembiayaan kasar yang diperolehi sektor swasta menerusi sistem perbankan dan pasaran

modal berjumlah RM281 bilion pada suku kedua.

Pada asas bersih, pinjaman sistem perbankan dan sekuriti hutang swasta terkumpul berkembang pada kadar tahunan 9.1 peratus pada akhir bukan Jun, manakala dana bersih diperolehi dalam pasaran modal lebih rendah pada RM17.2 bilion pada suku yang dikaji.

Indeks Harga Pengguna menurun

Kadar inflasi seperti diukur oleh perubahan tahunan dalam Indeks Harga Pengguna (IHP) mencatat kadar purata 3.3 peratus pada suku kedua tahun ini, berbanding 3.4 peratus pada suku sebelumnya.

Penurunan sedikit itu disebabkan inflasi lebih rendah dalam ka-

tegori makanan dan minuman bukan alkohol serta perumahan, air elektrik, gas mahupun bahan api lain.

Sistem kewangan Malaysia terus berdaya tahan pada suku kedua dalam keadaan pasaran kewangan global dan domestik yang bertambah baik.

Jumlah penampungan modal sistem perbankan berada pada paras melebihi RM80 bilion, sementara nisbah kecukupan modal sektor insurans kekal kukuh pada 249.7 peratus, dengan lebih penampungan modal sebanyak RM25.7 bilion.

Lebih dagangan berjumlah RM18.4 bilion pada suku kedua tahun ini, manakala rizab antarabangsa Bank Negara berjumlah RM423.6 bilion pada 30 Jun 2014.